

14/09/2003

Bajet 2004: Cermin diri dan usah terlenu

Zainuddin Ayip

INGATAN Perdana Menteri agar rakyat negara ini terus bersyukur dan tidak lena dibuai kemewahan harus dijadikan iktibar oleh semua lapisan rakyat. Ini penting agar minda setiap rakyat terbuka untuk mencerminkan diri dan seterusnya bertekad menjadi manusia cemerlang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 kelmarin menjelaskan kemiskinan dan kesengsaraan hidup bukan takdir yang harus diterima dan negara perlu terus berusaha memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial rakyatnya bagi menaikkan imej Malaysia sebagai negara Islam pada mata dunia.

Memang jelas bahawa kejayaan yang diperolehi, kemakmuran yang dinikmati dan kegemilangan negara ini adalah Keranamu Malaysia - berkat kegigihan pemimpin yang dibantu sektor swasta dan rakyat. Malah slogan Malaysia Boleh boleh menjadi resipi bagi negara dan rakyat terus bersaing pada peringkat global.

Tetapi, janganlah rakyat leka dibuai kemewahan, kerana panas tidak selalu sampai ke petang, mungkin hujan di tengah hari. Dr Mahathir menambah - air di laut, ada kalanya pasang, ada kalanya surut. Jadi rakyat tidak harus berpuas hati dengan apa yang ada, sebaliknya terus berusaha dalam pelbagai bidang pekerjaan yang diceburi bagi memajukan diri dan keluarga.

Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan mengakui, dengan keupayaan untuk memaju dan menguruskan negara dengan baik dan berjaya, Malaysia kini dianggap negara contoh kepada negara membangun hingga ramai pegawai dan pemimpin negara membangun datang untuk meneliti dan mempelajari cara Malaysia dibangunkan. Pegawai dan pakar Malaysia pula diundang untuk memberi nasihat dan latihan dalam pelbagai urusan pentadbiran dan pembangunan di negara lain.

Yang jelas, negara juga diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang maju dan progresif dan telah menjadi contoh kepada negara Islam yang lain. Negara luar amat kagum di atas kejayaan Malaysia membangunkan sebuah negara Islam yang maju dan makmur. Sesungguhnya, negara telah berjaya melaksanakan jihad dalam semua aspek pembangunan, terutama ekonomi, sosial, agama serta politik dan membuktikan keupayaan ummah Islamiah di zaman ini.

Sebenarnya, Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri kelmarin merangkumi keperluan pelbagai lapisan rakyat termasuk pelajar bagi membuka jalan ke arah kesejahteraan hidup rakyat jelata dalam mengharungi cabaran pada abad ke-21.

Bagi mempercepatkan pembangunan ekonomi, pelbagai insentif menarik diberikan kepada pengusaha industri sederhana dan kecil dan melahirkan barisan usahawan anak tempatan yang diharap mampu bersaing di pasaran global. Beberapa langkah dan polisi yang digubal tidak syak lagi bertujuan membangunkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang utama seperti perdagangan, pembuatan, pertanian, pendidikan dan pelancongan. Apa yang menarik juga adalah perhatian dari segi peruntukan pembangunan tetap diberikan kepada semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Jika dihitung perhatian dan keprihatinan kerajaan kepada rakyat, senarainya cukup panjang. Ini kerana Bajet 2004 dikira bajet menyeluruh. Bagi memastikan pembeli rumah kos rendah dijamin mendapat kediaman sempurna, kerajaan mengambil alih pembinaan rumah berkenaan sedang projek perumahan terbengkalai juga dimajukan semula oleh agensi kerajaan.

Dalam pada itu, graduan menganggur tidak ada alasan untuk mengeluh panjang kerana skim latihan diteruskan manakala pelajar dibiayai PTPTN hanya dikenakan faedah pinjaman tiga peratus berbanding empat peratus sebelum ini selain keperluan membayar hanya tiga tahun selepas bekerja.

Penunggang motosikal di bawah 150 cc yang kebanyakannya digunakan oleh pelajar dan remaja tidak lagi perlu membayar cukai jalan. Ini tentu menguntungkan juga penghuni kampus yang banyak menggunakan kenderaan itu.

Bagi peneroka Felde, masa depan mereka akan lebih terjamin dengan pengapungan syarikat perladangan itu di BSKL dengan mereka turut sama memiliki ekuiti. Penguat kuasa diberikan kemudahan dan faedah sebagaimana anggota keselamatan lain sedang jemaah haji menikmati potongan bagi kos mengerjakan ibadat itu. Caj laluan bagi pengguna internet pula dikurangkan sedang pembayar cukai diberi pelepasan bagi anak dengan kadarnya menjadi RM1,000 bagi setiap seorang anak.

Kakitangan kerajaan juga boleh tersenyum lega apabila Dr Mahathir mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji. Pemberian ini adalah sebagai satu cara hadiah kerajaan kepada pekerja yang menjalankan tugas dengan dedikasi dan cemerlang. Dan tentu sekali syarikat swasta akan mengambil langkah yang sama dengan pemberian bonus pada kadar yang sama atau lebih besar.

Dalam ucapan belanjawan terakhir beliau sebelum bersara bulan depan, Dr Mahathir tetap mengingatkan rakyat selaku penggerak utama kejayaan yang kita peroleh, kemakmuran yang kita nikmati dan kegemilangan negara tidak syak lagi kerana adanya semangat Keranamu Malaysia.

Malaysia berjaya melakukan anjakan minda dan menjadi sebuah masyarakat berwibawa, moden dan progresif yang mempunyai pemikiran yang tajam, bangga dengan kejayaan serta yakin kepada kebolehan kita sendiri, sesuai dengan aliran zaman maklumat.

Untuk terus membolehkan kita menyuarakan pandangan dengan berkesan di forum antarabangsa, rakyat perlu mempunyai keupayaan untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Dahulunya, pada mesyuarat antarabangsa, pegawai Malaysia sentiasa dipilih untuk mempengerusi dan mengetuai kumpulan mendraf laporan persidangan kerana kebolehan kita bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris.

Untuk memastikan negara menjadi global player di arena antarabangsa, kita perlu kepada bahasa Inggeris. Oleh itu, pelajaran Bahasa Inggeris ditingkatkan dan bahasa Inggeris diguna untuk mengajar Sains dan Matematik, ilmu-ilmu yang perlu kita kuasai pada zaman teknologi maklumat ini. Yakinlah, apabila bangsa maju, maka dengan sendirinya bahasa juga akan berkembang.